

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENERANGAN  
ANGKASAPURI

OLEH  
TAN SOCK HOON  
Sarjana Muda Pengurusan  
( Polisi dan Sekitaran Sosial )

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada  
Jabatan Pengurusan Dgn Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
( KUSTEM )

2005

1100045502

LI 99 FPE 1 2005



1100045502

Laporan akhir latihan industri di Bahagian Perhubungan Awam  
Kementerian Penerangan Malaysia / Tan Sock Hoon.



**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100045502

1100045502

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM,  
KEMENTERIAN PENERANGAN  
ANGKASAPURI**

**Oleh**

**TAN SOCK HOON  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan dan Ekonomi  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100045502**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya TAN SOCK HOON (UK 8424), mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,




Nama: TAN SOCK HOON

No. Matrik: UK 8424

Tarikh:

Disahkan oleh:



Roslina Ismail

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

KUSTEM

## PENGHARGAAN

Latihan Industri selama 12 minggu di Bahagian Perhubungan Awam, Kementerian Penerangan ini merupakan satu pengalaman yang tidak mungkin dilupai serta pendedahan yang memberi kesan mendalam kepada diri saya.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak KUSTEM yang menganjurkan latihan praktikum ini yang telah memberikan seribu makna kepada diri saya dan memberikan saya peluang untuk mempelajari sesuatu yang baru dan bermanfaat.

Tidak lupa juga kepada pihak organisasi iaitu Bahagian Perhubungan Awam, Kementerian Penerangan Malaysia yang mengalukan-alukan kehadiran saya bagi menjalankan latihan industri ini. Jutaan ribuan terima kasih juga dituju kepada Encik Mohd. Tarmidzi Hashim selaku Pengarah Bahagian ini yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang 12 minggu saya menjalankan latihan industri ini. Segala nasihat dan juga tunjuk ajar beliau kepada saya adalah tidak ubah seperti seorang ayah kepada anaknya. Walaupun tegas namun beliau seorang yang bertimbang rasa.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Industri I dan Penyelia Industri II, Puan Nur Ashikin Othman dan Cik Ng Thooi Kem yang memberi peluang kepada saya untuk mengendalikan sesuatu tugas dengan kepercayaan yang sepenuhnya. Sementara itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua staf dan juga pegawai di bahagian ini yang peramah dan sedia menghulurkan bantuan apabila diri ini memerlukan bantuan.

Kehadiran Puan Roslina Ismail selaku Penyelia KUSTEM yang walaupun sekejap, namun memberikan seribu makna dan menyuntikkan semangat saya untuk meneruskan Latihan Industri ini. Nasihat dan juga pesanan daripada beliau akan saya sentiasa ingati, terima kasih Puan Roslina.

Ucapan terima kasih yang tidak ternilai juga ditujukan kepada ayah, ibu, kakak dan adik-adik yang memberikan semangat dan dorongan kepada diri saya agar lebih tabah dan sabar.

## **ISI KANDUNGAN**

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
<b>Surat Pengesahan Pengakuan Keaslian Laporan</b>	i
<b>Penghargaan</b>	ii
<b>Isi Kandungan</b>	iii
<b>Senarai Rajah:</b>	
<b>Jadual 1: Carta Organisasi Kementerian Penerangan.....</b>	<b>24</b>
<b>Jadual 2: Carta Organisasi Bahagian-bahagian di bawah Program</b>	
<b>Dasar.....</b>	<b>25</b>
<b>Jadual 3: Carta Organisasi Bahagian Perhubungan Awam.....</b>	<b>26</b>
 <b>BAB I LATAR BELAKANG BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM .....1</b>	
<b>1.1 Pengenalan .....</b>	<b>1</b>
<b>1.2 Sejarah penubuhan Bahagian Perhubungan Awam, Kementerian</b>	
<b>Penerangan (BPA KemPen).....</b>	<b>2</b>
<b>1.3 Maklumat asas KemPen.....</b>	<b>3</b>
<b>1.3.1 Misi Kementerian .....</b>	<b>3</b>
<b>1.3.2 Visi Kementerian.....</b>	<b>4</b>
<b>1.3.3 Objektif Kementerian.....</b>	<b>4</b>
<b>1.3.4 Moto Kementerian .....</b>	<b>4</b>
<b>1.3.5 Kod Etika Kerja .....</b>	<b>5</b>

<b>1.3.6 Dasar-dasar Utama Kementerian .....</b>	<b>5</b>
<b>1.3.7 Dasar Kualiti Kementerian .....</b>	<b>6</b>
<b>1.3.8 Piagam Pelanggan Kementerian .....</b>	<b>7</b>
<b>1.3.9 Fungsi Kementerian .....</b>	<b>8</b>
<b>1.3.10 Bidang Kuasa Kementerian .....</b>	<b>9</b>
<b>1.3.11 Maklumat Asas BPA KemPen.....</b>	<b>10</b>
<b>1.3.12 Objektif BPA KemPen .....</b>	<b>10</b>
<b>1.3.13 Piagam Pelanggan Bahagian Perhubungan Awam .....</b>	<b>12</b>
<b>1.3.13.1 Unit Kecil Perhubungan Awam.....</b>	<b>12</b>
<b>1.3.13.2 Unit Kecil Kempen .....</b>	<b>13</b>
<b>1.3.13.3 Unit Kecil Bantuan Media .....</b>	<b>14</b>
<b>1.3.14 Slogan BPA .....</b>	<b>15</b>
<b>1.3.15 Fungsi BPA .....</b>	<b>15</b>
<b>1.3.15.1 Perhubungan Awam dan Bantuan Media.....</b>	<b>15</b>
<b>1.3.15.2 Kempen dan Acara antarabangsa .....</b>	<b>16</b>
<b>1.3.16 Aktiviti Bahagian.....</b>	<b>18</b>
<b>1.3.16.1 Unit Perhubungan Awam .....</b>	<b>18</b>
<b>1.3.16.2 Kempen.....</b>	<b>18</b>
<b>1.3.16.3 Bantuan Media .....</b>	<b>19</b>
<b>1.3.16.4 Acara Antarabangsa .....</b>	<b>19</b>
<b>1.3.16.5 Pentadbiran .....</b>	<b>20</b>
<b>1.4 Carta Organisasi.....</b>	<b>21</b>

<b>1.5 Kemahiran yang dipelajari .....</b>	<b>26</b>
<b>1.5.1 Kemahiran Berkomunikasi .....</b>	<b>26</b>
<b>1.5.2 Sikap Profesional.....</b>	<b>27</b>
<b>1.5.3 Kemahiran Pengurusan dan Pentadbiran .....</b>	<b>29</b>
<b>BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH .....</b>	<b>30</b>
<b>2.1 Pengenalan .....</b>	<b>30</b>
<b>2.2 Mengesan Sistem Sedia Ada .....</b>	<b>30</b>
<b>2.2.1 Latihan dan Motivasi .....</b>	<b>31</b>
<b>2.2.2 Sistem Keselamatan Berkomputer.....</b>	<b>32</b>
<b>2.2.3 Times Management System (TMS).....</b>	<b>33</b>
<b>2.2.4 Penggunaan Tanda Nama.....</b>	<b>34</b>
<b>2.2.5 LAN (Local Area Network) .....</b>	<b>35</b>
<b>2.3 Mengenal Pasti Masalah .....</b>	<b>35</b>
<b>2.3.1 Kekurangan Tenaga Kerja .....</b>	<b>35</b>
<b>2.3.2 Penguasaan Teknologi Maklumat .....</b>	<b>36</b>
<b>2.3.3 LAN (Local Area Network) .....</b>	<b>37</b>
<b>2.3.4 Kekurangan Kemudahan Prasarana .....</b>	<b>38</b>
<b>2.4 Rumusan analisis dan perbincangan .....</b>	<b>38</b>
<b>2.4.1 Kekuatan (Strength) .....</b>	<b>39</b>
<b>2.4.2 Kelemahan (Weakness).....</b>	<b>41</b>
<b>2.4.3 Peluang (Opportunities).....</b>	<b>42</b>
<b>2.4.4 Ancaman (Threats) .....</b>	<b>42</b>

<b>2.5 Cadangan Penyelesaian.....</b>	<b>43</b>
<b>2.5.1 Kekurangan Tenaga Kerja .....</b>	<b>44</b>
<b>2.5.2 Penguasaan teknologi matlumat.....</b>	<b>44</b>
<b>2.5.3 Perisian sistem keselamatan komputer.....</b>	<b>45</b>
<b>2.5.4 LAN (Local Area Network) .....</b>	<b>45</b>
<b>2.6 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi.....</b>	<b>46</b>
<b>2.6.1 Peningkatan Penguasaan Teknologi Matlumat.....</b>	<b>46</b>
<b>2.6.2 Sistem rekod fail secara berkomputer.....</b>	<b>47</b>
<b>2.6.3 Program Latihan Peningkatan Kualiti Kepimpinan Pengurusan Organisasi .....</b>	<b>47</b>
<b>BAB 3 PENUTUP .....</b>	<b>49</b>

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**

## **BAB I**

### **LATAR BELAKANG BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM, KEMENTERIAN PENERANGAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kursus Latihan Industri yang selama dua belas minggu ini amatlah penting kepada para siswa-siswi untuk memahami alam kerja yang sebenar. Kursus ini merupakan satu kursus wajib bagi semua siswa-siswi yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda (Polisi Awam dan Sekitaran Sosial). Walau bagaimanapun, Latihan Industri bukanlah setakat untuk para pelatih mendapatkan pengalaman kerja, malahan ia juga merupakan satu peluang keemasan kepada mereka belajar melalui pemerhatian. Tambahan pula, mereka dapat mendedahkan diri secara langsung dalam suatu bidang kerja mereka dengan menggunakan pengetahuan teknikal yang dipelajari dalam kuliah selama ini.

Latihan Industri yang dijalankan di Bahagian Perhubungan Awam, Kementerian Penerangan merupakan satu titik permulaan yang baik untuk pelajar menyesuaikan diri dalam pelbagai alam kerja benar yang berlainan. Hal ini kerana selain daripada mempelajari dan menimba pengalaman di bahagian ini, pelatih juga ditempatkan di beberapa bahagian yang berlainan di bawah Kementerian Penerangan seperti Bahagian Berita TV, Bahagian Berita Radio dan Bahagian Hal Ehwal Awam TV.

Di samping itu, pemilihan organisasi yang bersesuaian dengan bidang kursus yang diikuti juga merupakan satu perkara yang penting. Bahagian Perhubungan Awam, Kementerian Penerangan merupakan salah sebuah bahagian di bawah Program Dasar Kementerian Penerangan. Di mana, bahagian ini merupakan salah sebuah bahagian yang berfungsi secara tidak langsung dalam merancang dan menyedia sehingga kepada memantau pelaksanaan dasar Kementerian. Maka, bahagian ini boleh dikatakan memang serasi dengan bidang kursus yang diikuti oleh pelatih. Pelatih berpeluang untuk menguji sejauh mana teori dan pengetahuan yang dipelajari di dewan kuliah dalam Program Polisi dan Sekitaran Sosial dapat diaplikasikan di bawah jabatan ini terutamanya dalam kursus yang berkaitan dengan dasar.

## **1.2 Sejarah penubuhan Bahagian Perhubungan Awam, Kementerian Penerangan (BPA KemPen)**

BPA KemPen ditubuh sempena pertubuhan Kementerian Penerangan pada 23 September 1970. Pada masa itu, BPA KemPen dikenali sebagai Unit Perhubungan Awam. Pada permulaannya hanya terdapat satu sahaja jawatan Pengawai Perhubungan Awam. Walau bagaimanapun, disebabkan peranan yang dimainkan oleh Unit ini semakin penting untuk Kementerian memberikan perkhidmatan mesra rakyat dan telus. Maka, bilangan pekerja dalam Unit ini telah semakin meningkat

berserta dengan tanggungjawab dan beban unit yang semakin berat. Dalam tahun 2000, Unit ini telah berjaya dinaikkan taraf kepada BPA KemPen.

### **1.3 Maklumat asas KemPen**

Bahagian Perhubungan Awam merupakan sebahagian daripada KemPen. Oleh itu, kakitangan BPA bukan sahaja perlu jelas dengan maklumat asas BPA tetapi juga maklumat asas Kempen.

#### **1.3.1 Misi Kementerian**

Misi kementerian adalah berasaskan kepada “Menegak dan mempertahankan kewibawaan Kerajaan dan negara melalui kefahaman dan komitmen rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa menerusi maklumat yang disebarkan oleh media Kerajaan.” Dengan adanya misi kementerian ini, maka segala perkhidmatan yang diberikan oleh seluruh warga KemPen dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

### **1.3.2 Visi Kementerian**

Visi juga merupakan satu petunjuk untuk membantu KemPen mencapai matlamat-matlamat tertentu. Di mana Visi kementerian adalah “Menjadi agensi pengurusan maklumat dan perhubungan awam Kerajaan yang terunggul, pelopor agenda negara, penjana dan penyebar berita dan maklumat yang sahih, tepat dan terkini.”

### **1.3.3 Objektif Kementerian**

Objektif kementerian adalah mempastikan sistem penyaluran maklumat Kerajaan melalui media elektronik, cetak, komunikasi bersemuka dan perfileman dapat berfungsi dengan berkesan bagi mewujudkan masyarakat bermaklumat mengenai falsafah, dasar dan program Kerajaan supaya rakyat sentiasa faham dan komited dengan aktiviti-aktiviti Kerajaan.

### **1.3.4 Moto Kementerian**

Moto yang menjadi pegangan KemPen adalah berteraskan “Maklumat Untuk Kesejateraan Negara” Moto ini menjadi ikutan semua kakitangan yang berkhidmat di KemPen.